

Gelagat Pengundi Dalam Pilihan Raya Negeri Di Kawasan DUN Apam Putra, Rantau Panjang, Kelantan

*Voters' Behavior in The State Election of State Legislative Assembly Area of Apam Putra,
Rantau Panjang, Kelantan*

Zulsyazrina Jusoh
¹Junaidi Awang Besar

Program Geografi
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor, Malaysia

Correspondence email: 1jab@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kemenangan calon Parti se-Islam Malaysia di kawasan kajian iaitu Dewan Undangan Negeri (DUN) N.16 Apam Putra menunjukkan gelagat pengundi yang terpengaruh dengan tindakan dan tekad daripada calon PAS yang seterusnya berjaya mengekalkan kerusi (DUN) dengan jayanya di kawasan tersebut. Gelagat pengundi yang berbeza adalah dipengaruhi oleh maklumat politik yang diterima daripada pelbagai sumber. Ini membabitkan sama ada parti pemerintah atau pembangkang yang kemudian dinilai oleh pengundi berdasarkan pengetahuan dan kecenderungan mereka. Justeru itu, adalah menjadi tujuan kajian ini untuk menganalisis gelagat pengundi dalam Pilihan Raya Negeri 2023 di kawasan N.16 DUN Apam Putra, Rantau Panjang, Kelantan. Kajian ini menggunakan kaedah mengumpul data lapangan menggunakan soal selidik; yang melibatkan 50 orang responden, kaedah temu bual; yang melibatkan tiga orang informan dan kaedah pemerhatian di lapangan. Teknik menganalisis data primer berdasarkan score sheets serta sumber data primer dan sekunder yang lain dengan menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 18.0. Dapatan kajian mendapati bahawa kebanyakan responden (pengundi) merujuk maklumat politik dan hal ehwal semasa berdasarkan media elektronik dan media alternatif serta sumber lain di kawasan kajian. Majoriti responden memberi reaksi negatif terhadap isu dasar Kerajaan Persekutuan/ Pakatan Harapan dan yang lainnya bersikap neutral terhadap isu-isu sedemikian yang tidak melibatkan mereka secara langsung. Bagi isu dasar Kerajaan Negeri/PAS pula, pengundi mempunyai persepsi yang positif terhadap pemerintahan yang dilaksanakan. Keperluan dan keinginan responden dipenuhi rata-ratanya dan mereka berpuas hati. Tambahan juga, jika dilihat dari sudut pembangunan moral dan rohani adalah program pembangunan yang paling memuaskan serta perpaduan rakyat memenuhi kepentingan pengundi dari aspek keharmonian dan kesejahteraan. Namun begitu, terdapat juga ketidakpuasan responden terutamanya pengundi muda dari aspek jaringan internet, pembangunan pusat perkilangan dan peluang pekerjaan. Hasil analisis keputusan PRN-15 di kawasan kajian adalah memihak kepada PAS mengikut pola pengundian berdasarkan DM, saluran mengundi dan lokasi geografi. Faktor kemenangan PAS di Kelantan secara keseluruhannya adalah berdasarkan pengaruh dan sentimen pengundi terhadap dasar pemerintahan Islam yang dibawa PAS manakala faktor kekalahan BN pula disebabkan faktor skandal politik, penyalahgunaan kuasa, dan faktor calon yang diboikot pengundi. Kajian pilihan raya yang dijalankan di negeri Kelantan adalah penting untuk menyumbang kepada pengetahuan geopolitik dan geografi pilihan raya kerana sumber rujukan yang terhad. Kesimpulannya, adalah diharapkan supaya setiap ahli politik dan parti politik bukan sahajaberpolitik tetapi dapat menyumbang kepada pembangunan negeri dan negara.

Kata kunci : gelagat pengundi, maklumat politik, persepsi, perpaduan, pilihan politik

ABSTRACT

The victory of the All-Islamic Party of Malaysia (PAS) candidates in the study area, namely Dewan Undangan (DUN) N.16 Apam Putra shows the behavior of the voters' who were influenced by the actions and determination of the PAS candidates which successfully retained the seats (DUN) in the area. Different voter behavior is influenced by political information received from various sources. This involves either the ruling party or the opposition which is then judged by voters based on their knowledge and inclinations. Therefore, it is the purpose of this study to analyze the behavior of voters in the 2023 State Election of N.16 Apam Putra State Assembly, Rantau Panjang, Kelantan. This study uses the method of collecting primary data using questionnaires; involving 50 respondents, interview method; which involved three informants and observation methods in the field. The technique of analyzing primary data based on score sheets as well as other primary and secondary data sources using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 18.0. The findings of the study found that most respondents (voters) refer to political information and current affairs based on electronic media and alternative media as well as other sources in the study area. The majority of respondents reacted negatively to the policy issues of the Federal Government and the others were neutral to such issues that did not involve them directly. As for the policy issues of the State Government/PAS, voters have a positive perception of the government being implemented. The respondents' needs and desires are met on average and they are satisfied. Additionally, if viewed from the point of view of moral and spiritual development, it is the most satisfactory development program and the unity of the people fulfills the interests of the voters from the aspect of harmony and comfort. However, there is also dissatisfaction among respondents, especially young voters, from the aspects of the internet network, the development of manufacturing centers and job opportunities. The results of the analysis of PRN-15 results in the study area are in favor of PAS according to the voting pattern based on DM, voting channel and geographical location. The overall victory factor for PAS in Kelantan is based on the influence and sentiment of the voters towards the Islamic governance policy brought by PAS while the BN defeat factor is due to political scandals, abuse of power, and the factor of candidates being boycotted by voters. Election studies conducted in the state of Kelantan are important to contribute to the geopolitical and geographic knowledge of elections due to limited reference sources. In conclusion, it is hoped that every politician and political party not only does politics but can contribute to the development of the state and the country.

Keywords: voter behavior, political information, perception, unity, political choice

1. Pengenalan

Politik dan pilihan raya adalah suatu bidang penyelidikan yang unik untuk dikaji di pelbagai peringkat. Retrospektif kajian meliputi kajian pasca peristiwa politik dan pilihan raya serta kajian sebab-akibat dan kajian pelan tindakan atau cadangan pelaksanaan masalah dan isu. Malaysia sebagai sebuah negara merdeka telah melaksanakan prinsip sistem politik demokrasi dengan mengadakan Pilihan Raya Negeri sejak tahun 1955. Pilihan raya merupakan ruang yang diberikan kepada rakyat untuk kembali memilih kepimpinan kerajaan negeri bagi tempoh lima tahun akan datang. Pilihan raya negeri diadakan secara serentak dengan pilihan raya umum namun negeri bebas untuk membubarkan perhimpunan dengan sendiri. Pilihan Raya Negeri pada tahun 2023 merupakan PRN ke-15 (PRN-15) yang telah dilaksanakan di Malaysia dengan enam negeri yang terlibat iaitu negeri Kedah, Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan. Liputan berita serta kandungan isu yang dibincangkan menerusi platform atas talian berbanding penggunaan media konvensional sedikit sebanyak mempengaruhi corak persepsi masyarakat.

Senario ini sedikit sebanyak menunjukkan bahawa masyarakat Malaysia peka akan perubahan semasa terutamanya terhadap paparan berita yang tersedia dalam platform atas talian berkaitan isu-isu yang melibatkan politik tanah air. Politik luar negara memaparkan perjalanan

proses pilihan raya di negara asing dan menerangkan keputusan pilihan raya. Faktor yang dibawa penjajah juga mencorakkan sistem pentadbiran, perundangan dan pilihan raya di sesebuah negara. Selain itu, perubahan undang-undang pilihan raya seperti pemindaan perlembagaan memberi kesan ke atas kemenangan dan kekalahan sesuatu parti yang seterusnya mempengaruhi tahap kuasa penentu dari golongan rakyat. Politik dalam negara Malaysia dan negeri seluruh Malaysia dirujuk dan sememangnya berlaku perubahan tampuk pemerintahan parti di kebanyakan kawasan. Faktor etnik memainkan peranan besar dalam mempengaruhi penguasaan parti. Di sesetengah kawasan khususnya kawasan bandar wujud gelombang yang membawa perubahan atau *turnout rate* dalam merubah parti sedia ada dan meletakkan parti baru dalam pemerintahan bagi memenuhi kehendak penduduk di kawasan berkenaan. Bagi politik di kawasan kajian (Negeri Kelantan), menunjukkan kuasa pemilihan dalam Pilihan Raya Negeri apabila parti UMNO dan PAS masing-masing pernah menduduki tampuk pemerintahan di Kelantan. Selain itu, rakyat Kelantan lebih cenderung untuk menggunakan pendekatan rasional dalam membuat keputusan pemilihan pemerintah atau parti pemerintahan. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis gelagat pengundi dalam Pilihan Raya Negeri di kawasan DUN Apam Putra, Rantau Panjang, Kelantan.

2. Sorotan Literatur

2.1 Politik Pilihan Raya Luar Negara

Takeshita dan Mikami (1995) dalam kajian "*How did Mass Media Influence The Voters' Choice in The 1993 General Election in Japan? A Study of Agenda-Setting*" menerangkan tentang pengaruh media massa ke atas pilihan pengundi sehingga menoktahkan pemerintahan yang diteraju oleh Parti Liberal Demokrat (LDP) pada Pilihan Raya Umum Jepun 1993. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat ketidakseimbangan ke atas penyebaran kempen melalui medium media massa pada ketika itu yang memberi kelebihan kepada parti penentang lain dan juga mempengaruhi persepsi pengundi terhadap LDP.

Berdasarkan artikel "*Electoral Politics in Singapore*" (2002) karya Yeo Lee Hwee menunjukkan bahawa Singapura merupakan negara Asia unik yang berhasrat untuk menyeimbangkan dan menyelesaikan kehendak ke atas pembangunan negara melalui demokrasi. Seorang pengulas politik mengatakan bahawa pucuk pimpinan *People's Action Party* (PAP) bukanlah golongan yang menyetujui demokrasi meskipun mereka memahami bahawa demokrasi adalah amat penting dalam pembinaan sesebuah kerajaan yang memerintah.

Julio Teehanki (2002) dalam artikel beliau "*Electoral Politic in Philippines*" mendapati bahawa terdapat hubungan antara amalan pilihan raya dan demokrasi di Filipina. Hal ini kerana, pilihan raya dan institusi demokrasi telah dibawa masuk ke Filipina berdasarkan pemerintahan di Barat. Kemunculan institusi seperti undang, perlembagaan, undi rahsia, parti politik serta badan perundangan adalah hasil daripada penjajahan Amerika Syarikat ke atas Filipina.

Artikel yang dikarang oleh Orathai Kokpol (2002) yang berjudul "*Electoral Politics in Thailand*" memaparkan impak perlembagaan baharu negara Thailand pada tahun 1997 telah membuka ruang terhadap proses demokrasi dalam sistem pilihan raya dan pentadbiran Thailand. Antara yang berlaku ialah mewajibkan pencalonan daripada parti gabungan, mewujudkan jawatankuasa pemerhati pilihan raya untuk memerhati proses pilihan raya dan perubahan dalam sistem pilihan raya dibuat ke atas tiga aspek iaitu kaedah mengundi, merangka semula perlembagaan dan mengubah suai syarat calon pilihan raya.

Herwan Sulisty (2016) dalam kajian politik "*Electoral Politics in Indonesia*" merekodkan beberapa cabaran yang dihadapi oleh Indonesia untuk mengecapi demokrasi dalam setiap sesi

pilihan raya yang diadakan. Antara cabarannya adalah kurang agenda transisi demokrasi terhadap pilihan raya yang telus, tiada pengesahan berkaitan pembahagian portfolio, autoriti regim yang lama masih berada dalam tampuk pentadbiran yang baru, krisis ekonomi pada peringkat pengundi dan rasuah dalam kalangan pegawai untuk mengekalkan pengaruh politik mereka.

2.2 Politik Pilihan Raya Dalam Negara

Edmund (1996) dalam penulisan yang bertajuk “*The 1995 Malaysian General Elections: A Report and Commentary*” menjelaskan bahawa kemenangan besar Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Umum 1995 adalah disebabkan faktor populariti dan kepimpinan Dr. Mahathir sebagai perdana menteri, kesetiaan orang Melayu kepada UMNO, kesesuaian politik, permuafakatan dalam BN yang sesuai dengan demografi multirasial negara, peralihan undi masyarakat Cina kepada BN, perpecahan undi Melayu, keadaan ekonomi negara dan faktor tiga M iaitu *money*, *media*, dan *machinery*.

Zawiyah et al. (2015), dalam kajian beliau “Internet dan Kebangkitan Demokrasi Siber di Malaysia: Analisis Pilihan Raya Umum 1999 dan 2008” telah mengulas kempen politik melalui internet pada Pilihan Raya Umum 1999 dan Pilihan Raya Umum 2008. Dapatan kajian mendapati dua hasil yang berbeza pada dua tempoh pilihan raya tersebut. Pertama, pada Pilihan Raya Umum 1999 parti pembangkang telah menggunakan internet dengan intensif untuk berkempen, selari dengan manifesto yang ingin disampaikan iaitu berkenaan reformasi.

Junaidi et al. (2015) dalam artikelnya iaitu Kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) dan Persepsi Pengundi Terhadap Dasar Kerajaan: Kajian Kes Dewan Undangan Negeri (N25) Kajang, Selangor menganalisis isu dan persepsi pengundi di kawasan Kajang terhadap dasar Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dalam Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri (N25) Kajang, Selangor. Pada keseluruhannya, persepsi terhadap dasar Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat adalah positif namun pengundi mengharapkan agar isu ekonomi terutamanya isu kenaikan harga barang dan peluang pekerjaan yang lebih baik dapat ditangani oleh pihak berwajib dengan lebih teliti bagi menyelesaikan isu berbangkit.

Azman (2016) dalam kajiannya Tingkah Laku Pengundi dan Faktor Kejayaan Barisan Nasional: Kajian Kes FELDA Kuala Krau membincangkan identifikasi parti dalam mempengaruhi tingkah laku pengundi dan faktor-faktor yang mempengaruhi kelakuan pengundian. Identifikasi parti dalam konteks pilihan raya adalah proses pengundi mengaitkan diri mereka secara emotional dan psikologi dengan parti politik tertentu. Ini menegaskan lagi kesetiaan pengundi dan ikatan emosional yang kuat terhadap sesuatu parti politik berkenaan.

Nizar et al. (2016) dalam kajian “Tingkah Laku Pengundi Melayu terhadap UMNO di Negeri Kedah: Satu Tinjauan Awal” mengulas pendekatan pengundian dan sejarah pilihan raya umum mendapati bahawa terdapat tiga pendekatan tingkah laku sebagai elemen penting yang relevan dalam konteks pilihan raya di Malaysia. Pengaruh identifikasi parti adalah berdasarkan sikap keterikatan pengundi Melayu kepada UMNO. Pilihan rasional pula ialah suatu elemen penting yang ditunjukkan oleh pengundi semasa PRU-12 apabila pengundi menyokong parti dan calon yang mengemukakan dasar atau program yang selari dengan kehendak mereka.

2.3 Politik Pilihan Raya Negeri Kelantan

Daripada Ahmad Saidi (1987), “Penglibatan dan Persepsi Politik Masyarakat di Dewan Undangan Negeri Wakaf Bharu, Kelantan” dengan tujuan untuk memahami faktor-faktor yang menyumbang kepada penglibatan masyarakat dalam politik. Kajian merangkumi metodologi, objektif, dan masalah yang dihadapi semasa pengumpulan data. Ia juga merangkumi konsep seperti parti

politik, kepimpinan, kerajaan, dan tadbir urus. Latar belakang kawasan kajian dibincangkan termasuk kemudahan infrastruktur dan keadaan politik, ekonomi, sosial, dan agama masyarakat. Pandangan masyarakat tentang pilihan raya, kepimpinan, dan isu politik, serta penyertaan mereka dalam aktiviti politik dan sosial diteliti.

Samsiyah (1996) yang mengkaji tingkah laku pengundi bandar dan luar bandar bagi Pilihan Raya Umum 1986, 1990 dan 1995 di Kelantan mendapati bahawa sikap, pendapat, dan tindak balas yang berbeza antara individu. Walau bagaimanapun, pengundi di Kelantan amat berminat tentang politik sama ada di bandar atau luar bandar. Mereka amat mengambil berat setiap calon yang menang. Junaidi dan Mohd Fuad (2009) dalam kajian PRK DUN Manek Urai, Kelantan mendapati kejayaan BN menguasai hampir semua undi daripada saluran tiga dan empat menggambarkan pengundi muda mula memberi kepercayaan kepada Kerajaan Pusat untuk membawa pembangunan ke Manek Urai, yang sebahagian besar penduduk bekerja sebagai penoreh getah, pekebun kecil kelapa sawit dan buah-buahan serta bekerja sendiri

Kajian Junaidi et al. (2012), yang memfokuskan kepada pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri Galas di Kelantan yang mempunyai pengundi dalam kalangan komuniti minoriti Orang Asli. Kajian ini menganalisis berkaitan isu dan strategi kempen yang mampu diketengahkan oleh parti politik terutamanya PAS dan UMNO. Selain itu juga, kepimpinan dan pola pengundian menjadi fokus utama kajian ini di samping faktor kepimpinan dan impak pembangunan.

Mohd Sayuti (2016) dalam buku beliau yang bertajuk “Selepas PRU 14, Kelantan Milik Siapa?” menjelaskan bahawa keadaan politik di Kelantan yang unik sering menjadi sorotan ramai. Justeru itu, setiap perkembangan politik di Negeri Kelantan mendapat perhatian dan liputan masyarakat umum tidak kurang juga sebagai indikator kepada politik di negeri lainnya.

Junaidi (2018) mendapati bahawa keputusan PRN DUN Pangkalan Kubor memberi impak yang besar kepada UMNO yang mewakili BN dan PAS yang mewakili Pakatan Rakyat. Keyakinan dan penerimaan rakyat terhadap UMNO telah menjadikannya terus kekal dan berjaya mempertahankan kubu pemerintahan BN. Melalui strategi kempen dari rumah ke rumah telah mendatangkan kesan positif bagi PRK tersebut. Barisan Nasional gagal menguasai tiga daerah dalam PRK tersebut yang jelas menunjukkan kejayaan BN untuk mengekalkan momentum kemenangan mereka agar turut mengekalkan kejuaraan mereka di peringkat Pilihan Raya Umum akan datang.

3. Metod Dan Kawasan Kajian

3.1 Kaedah Pengumpulan Data

Data merupakan satu maklumat yang diperolehi daripada kaedah saintifik yang merangkumi data primer dan sekunder. Bagi Syed Arabi (1998) pula, data primer boleh didapati melalui kaedah temu bual sama ada secara formal atau tidak formal serta edaran borang soal selidik dalam kalangan responden yang dipilih secara rawak dan juga data berangka daripada bahan terbitan jabatan kerajaan dan pihak yang berautoriti. Seterusnya, data sekunder adalah data yang diperolehi daripada kaedah kepustakaan dan rujukan atas talian bagi mendapatkan data yang berkaitan pembangunan kawasan kajian dan persepsi pihak berkenaan.

Data juga boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu data kualitatif dan kuantitatif. Data kualitatif yang diperolehi adalah berdasarkan data daripada soal selidik dan keputusan PRN-15 pada tahun 2023 bagi kawasan DUN Apam Putra. Kaedah primer adalah seperti soal selidik, temu bual, pemerhatian di lapangan dan rujukan data. Pemerhatian di lapangan juga dijalankan kerana

akaedah ini merupakan salah satu kaedah kajian kualitatif. Kaedah ini adalah salah satu alternatif dalam mendapatkan maklumat selain daripada soal selidik dan temu bual. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat meneliti tingkah laku pengundi di DUN Apam Putra (N.16). Setiap pemerhatian yang dibuat mempunyai tujuan tertentu dan pemerhatian yang sistematik. Pada kebiasaannya, ciri yang diperhatikan adalah sangat terperinci bagi mendapatkan keputusan yang tepat. Oleh hal yang demikian, catatan dan bukti yang tepat serta sah direkodkan untuk kegunaan dalam hasil kajian.

Bahkan juga, kaedah pengumpulan data sekunder yang digunakan adalah kajian kepustakaan, kajian atas talian/internet melalui laman web yang berkaitan politik pilihan raya, akhbar dalam talian, blog, aplikasi *Whatsapp*, *Facebook*, *Instagram*, *Twitter*, *Telegram*, *YouTube* dan lain-lain. Pengkaji juga membuat pembacaan dan rujukan daripada bahan bacaan secara atas talian seperti *Google Scholar*, *Academia* dan lain-lain. Rujukan secara atas talian ini sedikit sebanyak dapat membantu pengkaji memperoleh maklumat berkaitan politik yang diperlukan.

3.2 Analisis Data

Teknik menganalisis data menggunakan kaedah statistik deskriptif untuk meyyusun, mengumpul, maklumat dan mempersembahkan data secara berangka dan grafik ringkasan data akan dipaparkan dalam bentuk jadual dan graf melalui perisian *Statistics Package for Social Science* (SPSS) bagi mengambil kira kekerapan dan peratusan kajian.

3.3 Kawasan kajian: DUN Apam Putra, Rantau Panjang, Kelantan

Bahagian ini membincangkan mengenai kawasan kajian yang telah dipilih iaitu di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Apam Putra, Rantau Panjang, Kelantan. Pada abad pertama Masihi, Negeri Kelantan dikenali sebagai Medan Gana/Nusa Medan/Medan. Catatan sejarah China merekodkan Chu'-Yu-Kun/Tu-K'kun/ Tu-Ya sebagai sebuah negeri di bawah jajahan Raja Funan iaitu Raja Gunung yang berada di kawasan Teluk Siam iaitu Kemboja pada hari ini. Kira-kira pada 369 masihi, Kusuma Citaraja atau Jayapurusa iaitu Raja Kunjarakunja pada ketika itu telah bangkit memberontak bagi membebaskan diri daripada kekuasaan Raja Funan, Seterusnya, baginda menamakan negara berkenaan sebagai Kalathana yang bermaksud Tanah Raksasa atau Tanah Kala menurut riwayat tradisi Kelantan. Ibu kotanya bernama Yawakoti/Titik Jawa terletak di Hilir Kelantan yang kira-kira 10 km di sebelah barat Bukit Panau yang pada ketika itu berada di pesisir pantai. Kota Yawakoti ini dikatakan telah tenggelam sebagaimana beralihnya kedudukan Bukit Panau pada hari ini.


Negeri Kelantan kaya dengan kepelbagaian sumber asli tempatan yang berkeluasan lebih kurang 15040 km dan terletak di Pantai Timur Semenanjung Malaysia, berhadapan LautChina Selatan dan bersempadanan dengan wilayah Narathiwat, Thailand. Negeri Kelantan bersempadanan dengan empat wilayah iaitu Pattani, Thailand di belah Timur Laut, Hulu Perak, Perak di bahagian Barat, Kuala Lipis, Pahang di bahagian Selatan dan Besut, Terengganu di Timur/Tenggara. Kelantan berkeluasan kira-kira 14,931 kilometer persegi yang meliputi 4% daripada keluasan negara Malaysia. Berdasarkan unjuran penduduk pada bancian Tahun 2000, negeri Kelantan mempunyai seramai 1,313,014 orang penduduk yang terdiri daripada kaum Melayu, kaum Cina, kaum India dan lain-lain kaum. Majoriti penduduk di negeri Kelantan adalah kaum Melayu sebanyak 95%, diikuti kaum Cina 3.8%, kaum India 0.03% dan lain-lain kaum sebanyak 0.9%. Berdasarkan bancian tersebut juga didapati 95% beragama Islam, diikuti Buddha 4.4%, Hindu 0.2% dan agama lain sebanyak 0.2%. Berdasarkan anggaran penduduk Jabatan Perangkaan Malaysia (tahun 2005), Kota Bharu mempunyai jumlah penduduk yang terbesar iaitu seramai 425,294 orang manakala kawasan Jeli mempunyai jumlah penduduk

terkecil dengan hanya seramai 38,185 orang. Kadar pertumbuhan purata (1991-2000) bagi negeri Kelantan adalah 0.9%.

Kepadatan penduduk seramai 87 orang setiap kilometer persegi hanya dengan 34.2% dari populasi Kelantan adalah penduduk bandar. Ekonomi negeri Kelantan adalah berasaskan pertanian dengan beras sebagai tanaman utama diikuti oleh sektor perikanan dan sumber hutan yang turut menjadi sumber utama ekonomi negeri. Perdagangan di Kelantan berkembang pesat melalui jalinan perdagangan mengeksport beras, getah dan hasil pertanian. Bermula pada era kolonial, negeri Kelantan mula mempelbagaikan kegiatan ekonomi seperti pembuatan, pelancongan, dan perkhidmatan. Industri petroleum juga mula berkembang di Kelantan yang menjadi pengumbang terbesar kepada ekonomi negeri. Walau bagaimanapun, negeri Kelantan masih cabaran yang tinggi dari segi kemiskinan, pengangguran dan kebergantungan kepada eksport komoditi. Usaha baru-baru ini dengan memberi tumpuan kepada sektor pelancongan, agro pelancongan dan industri berasaskan pendidikan.

Kelantan telah diperintah oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS) sejak tahun 1990 dan kini merupakan salah satu daripada tiga negeri Malaysia yang diperintah oleh PAS selepas pilihan raya 2018, diikuti dengan Terengganu dan Kedah. Hampir kesemua ahli PAS adalah melayu Islam, begitu juga kira-kira 95% penduduk Kelantan. Negeri Kelantan sangat sinonim dengan PAS kerana Kelantan telah berada di bawah pemerintahan PAS selama dua tempoh yang panjangserta negeri Terengganu yang juga berjiran turut berada di bawah pemerintahan PAS selama dua kali tetapi hanya dalam tempoh yang singkat iaitu dari 1959-1962 dan 1999-2004. kni pada tahun1959 dan berlangsung selama 18 tahun; 1959 hingga 1977. Seterusnya, tempoh semasa adalah selama 28 tahun dan semakin bertambah. Pada November 1977, darurat di negeri Kelantan telah diisytiharkan oleh kerajaan persekutuan berikutan krisis politik dan keganasan jalanan. Pilihan raya telah berlaku tidak lama selepas darurat yang dimenangi UMNO.

Apam Putra (dahulunya Bukit Tuku sebelum PRU 2018) ialah kawasan DUN dalam daerah Pasir Mas, Kelantan dengan kod N16. DUN Apam Putra ialah kawasan yang terletak di bahagian selatan Daerah Pasir Mas (Lihat Rajah 1). Ia bersempadan dengan Rantau Panjang di utara, Chetok di timur, dan Chicha Tinggi serta Repek di selatan. Kawasan itu terletak di dataran banjir Sungai Kelantan.



Rajah 1: Peta kawasan pilihan raya DUN N.16 Apam Putra, Rantau Panjang, Kelantan Darul Naim
Sumber: Diubahsuai daripada SPR 2023

Sejarah pilihan raya di kawasan DUN Apam Putra (N.16) bermula pada PRU 2018 dengan kemenangan Abdul Rasul Mohamed yang mewakili PAS dengan majoriti 348 undi. Barisan Nasional melalui Akbar Salim yang meraih undian sebanyak 45.23% manakala Pakatan Harapan oleh Mohd Hisyamuddin Ghazali hanya berjaya meraih 7.21% undian. Kawasan pilihan raya ini mempunyai penduduk kira-kira 45,000 orang dengan majoriti penduduk adalah Melayu (95%), dengan minoriti Cina (4%) dan India (1%). Kawasan itu juga majoritinya beragama Islam (95%). Kawasan ini dimenangi oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS) pada setiap pilihan raya sejak penubuhannya pada 1974. Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Apam Putra sekarang ialah Zamaksari Muhamad, yang memenangi kerusi itu pada PRN 2023 menewaskan calon BN iaitu Akbar Salim dengan majoriti 3,859 undi. Sejak ditubuhkan pada 1974, Apam Putra N16 secara

konsisten diwakili oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Penguasaan ini mencerminkan penduduk majoritinya Melayu dan Islam, sejajar dengan ideologi agama dan nasionalis PAS.

DUN Apam Putra berada di dalam Parlimen Rantau Panjang dengan keluasan DUN ini adalah 162 kilometer persegi dengan anggaran penduduk pertengahan tahun 2022 seramai 43.1 ribu orang. Jumlah penduduk DUN ini merangkumi 98.6 peratus warganegara Malaysia dan 1.4 peratus bukan warganegara. Warganegara DUN Apam Putra terdiri daripada 98.6 peratus Bumiputera, Cina 0.5 peratus, India 0.0 peratus dan lain-lain kaum 0.9 peratus. DUN Apam Putra mempunyai kepadatan penduduk 266 orang per satu kilometer persegi. DUN ini mencatatkan bilangan lelaki melebihi perempuan dengan nisbah jantina 106 lelaki bagi setiap 100 orang perempuan.

Menurut bancian pada tahun 2022, nisbah tanggungan penduduk di kawasan DUN Apam Putra adalah sebanyak 60.4 peratus yang merangkumi umur muda sebagai majoriti iaitu sebanyak 50.2 peratus dan minoriti umur tua iaitu 10.2 peratus. Statistik sosioekonomi daripada sumber Jabatan perangkaan Malaysia mencatatkan guna tenaga kepada beberapa kategori iaitu tenaga buruh pada 14.4, penduduk bekerja pada 13.9, penganggur pada 0.4, luar tenaga buruh pada 12.7, kadar penyertaan tenaga buruh pada 53.0 peratus, dan kadar pengangguran pada 2.9 peratus. Seterusnya, pendapatan isi rumah (2019) dengan purata RM3,941, penengah RM3,039, pekali gini pada 0.338. Dan insiden kemiskinan pada 15.7 peratus. Kemudahan awam dan infrastruktur yang terdapat di kawasan DUN Apam Putra adalah stesen minyak, kedai dobi, kedai runcit, klinik gigi swasta, tadika swasta, farmasi, dan bengkel kereta. Infrastruktur dari aspek keselamatan, pendidikan dan kesihatan pula seperti balai bomba, institusi pendidikan dan bali polis. Statistik perkhidmatan awam lain seperti mesin Automated Teller Machine juga disediakan. Pengkaji telah memilih kawasan DUN Apam Putra, Rantau Panjang, Kelantan Darul Naim sebagai lokasi kajian adalah dipengaruhi beberapa faktor yang selari dengan objektif kajian iaitu untuk mendalami isu politik di samping ciri-ciri politik yang berbeza berbanding kawasan lain. Justeru, kajian ini dijalankan di DUN Apam Putra kerana ingin melihat sendiri gelagat pengundi terhadap penglibatan mereka dalam pilihan raya.

4. Hasil Kajian dan Perbincangan


Analisis dilakukan secara kualitatif dan kuantitatif bagi menghuraikan objektif khusus untuk kajian Gelagat Pengundi di dalam Pilihan Raya Negeri di kawasan Apam Putra, Rantau Panjang Kelantan. Tiga objektif khusus bagi kajian ini adalah untuk mengenal pasti sumber politik responden di kawasan DUN Apam Putra, Rantau Panjang Kelantan, mengkaji partisipasi dan persepsi politik di kawasan kajian, dan menganalisis pilihan politik pengundi di kawasan kajian. Justeru, hasil kajian yang diperoleh adalah daripada soal selidik dan temu bual ini dapat mengukuhkan dapatan kajian.

4.1 Sumber Maklumat Politik Responden

4.1.1 Media cetak

Bagi hasil kajian ini, menunjukkan bahawa maklumat politik turut menjadi pilihan responden dalam memperoleh maklumat berkaitan perkembangan politik di Malaysia. Rata-rata responden yang ditemui memilih media cetak berbahasa Melayu yang utama seperti Utusan Malaysia (44.4%) dan Sinar Harian (44.4%) dalam mendapatkan maklumat berkenaan politik (Lihat Rajah 2). Hal yang demikian adalah disebabkan oleh majoriti responden yang ditemui adalah berbangsa Melayu. Seterusnya, responden turut mengakses media cetak berbahasa Inggeris iaitu akhbar New


Straits Time sebanyak 44.4% dan selebihnya memperoleh maklumat politik daripada sumber brosur/poster atau risalah dan lain-lain. Kumpulan responden yang memilih akhbar harian perdana dalam bahasa Inggeris dan sumber media cetak lainnya beranggapan bahawa saluran akhbar bahasa Melayu seperti Berita Harian dan Utusan Malaysia dikawal oleh pihak kerajaan serta isu yang dipaparkan telah diputar belitkan bagi memihak kepada kerajaan semasa.



Rajah 2: Sumber maklumat politik dari media cetak
Sumber: Kajian lapangan 2024

4.1.2 Media elektronik

Dalam hasil kajian ini, media elektronik juga turut berperanan penting dalam mempengaruhi sokongan kepada sesebuah parti politik dan juga memberi maklumat kepada responden. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa saluran milik kerajaan TV1 dan saluran tv swasta TV3 mendominasi peratusan yang tertinggi sebanyak 77.8% diikuti dengan saluran TV2 sebanyak 44.4% yang juga dipersetujui bagi papan maklumat digital (Lihat Rajah 3). Hal ini kerana saluran-saluran ini lebih mudah diakses oleh orang ramai bagi mendapati maklumat perkembangan terkini. Tambahan juga, saluran ini mudah didapati secara percuma tanpa perlu dilanggan dan saluran-saluran ini juga lebih banyak memberi liputan semasa yang terkini.



Rajah 3: Sumber maklumat politik media elektronik

Sumber: Kajian lapangan 2024

Bagi saluran radio yang menjadi medium utama sebelum adanya televisyen dilihat mencatatkan peratusan yang lebih rendah berbanding saluran televisyen utama iaitu sebanyak 33.3%. Kebanyakan responden mengakui bahawa mereka menerima maklumat menerusinyat tanpa mengira jenis maklumat sama ada generasi tua ataupun generasi belia. Responden turut mempersetujui bahawa medium radio tidak lagi menyampaikan informasi yang penting malahan menjadi medium media hiburan berkenaan gosip-gosip artis tempatan atau luar negara semasa yang digemari oleh golongan belia. Tambahan juga, berita-berita semasa hanya menjadi selingan sahaja di antara program hiburan di radio. Bagi kumpulan tua pula, mereka lebih memilih saluran radio untuk mengetahui maklumat terkini dan mendapatkan hiburan selingan seperti siaran Radio Klasik.


Media elektronik yang tidak digunakan oleh responden bagi mendapatkan informasi politik adalah siaran Astro Al-Hijrah dan Astro AEC diikuti dengan siaran televisyen NTV dan TV8 dengan masing-masing hanya 11.11% sahaja. Hal ini demikian kerana faktor demografi responden yang tinggal di luar bandar dan tidak melanggan siaran televisyen berkenaan. Oleh itu, saluran media elektronik berkenaan kurang popular bagi kumpulan responden ini.

4.1.3 Media online/Media sosial

Bagi sumber maklumat politik melalui media online/media sosial, majoriti responden lebih cenderung untuk memperoleh maklumat daripada medium aplikasi TikTok dan Instagram yang merupakan platform media sosial terbesar buat masa kini dengan peratusan sebanyak 77.88%. Hampir keseluruhan responden yang ditemui mengakui mempunyai akaun di platform berkenaan tanpa mengira usia. Seterusnya, aplikasi Telegram pula diakui sebagai aplikasi kedua tertinggi (55.6%) dan diikuti dengan Facebook (44.4%). Kedua-dua aplikasi ini bukan sahaja digunakan untuk berkomunikasi malahan dapat menjadi medium menyebarkan maklumat yang aktif kepada penggunaannya. Aplikasi Facebook merupakan salah satu platform media sosial yang popular di

Malaysia dan mempunyai rangkaian pengguna yang besar tanpa mengira lapisan usia. Responden yang ditemui mengakui mempunyai akaun Facebook terlebih dahulu sebelum aktif di akaun media sosial yang lain.

Media online yang lain seperti WhatsApp, Youtube, dan Twitter masing-masing mempunyai peratusan yang sama iaitu sebanyak 33.33%. Hal ini disebabkan oleh persaingan dengan platform yang lain serta matlamat utama penggunaan aplikasi berkenaan seperti aplikasi WhatsApp yang digunakan sebagai medium komunikasi manakala Youtube adalah platform perkongsian video secara percuma yang memudahkan untuk menonton video secara dalam talian.



Rajah 3: Sumber maklumat politik media sosial
Sumber: Kajian lapangan 2024

Jelaslah dalam konteks PRU-15 menunjukkan signifikan peranan media sosial dalam menyampaikan maklumat, mempengaruhi pemikiran pengundi serta dijadikan saluran propaganda, penyebaran fitnah, dan maklumat palsu yang tidak boleh disangkal. Dengan sejumlah 20 juta rakyat yang mempunyai akses kepada talian media sosial menerusi telefon pintar dan komputer selain setiap individu memperuntukkan masa mereka antara 3 hingga 4 jam setiap hari untuk melayari laman media sosial. Siaran televisyen berbayar dan sebagainya turut mempunyai peranan dalam menyebarkan maklumat menjadikan sebaran maklumat bergerak dengan begitu pantas sehinggakan dunia dikatakan berada di hujung jari. Ironinya, media sosial dalam dunia politik dapat diibaratkan sebagai senjata ampuh yang kemudiannya dimanfaatkan oleh mereka yang bijak mengambil peluang, terutamanya generasi muda, aktivis politik dan pergerakan protes bagi menyampaikan doktrin, ideologi dan sebarang propaganda secara pantas dan cepat (Kosmo 2018).

Media sosial juga merupakan kaedah penerimaan dan penyaluran maklumat yang penting dalam mempromosikan demokrasi. Ia membuka ruang bagi warganegara Malaysia untuk membincangkan isu politik dan memberi peluang kepada pembangkang bagi memanfaatkan ruang kempen ketika kempen pilihan raya. Dengan dasar ruang siber percuma, media sosial mempunyai potensi besar untuk memperkuat proses demokrasi di Malaysia (Mohd Azizuddin & Knocks Tapiwa Zengeni 2010). Media sosial adalah bersifat bergaya yang menjadi ikutan, murah dan

mudah diakses terutamanya kepada golongan belia yang mempelopori keputusan undi. Kesannya sangat besar kepada parti politik yang dapat di kawasan masing-masing, menjadikan sesuatu PRU menjadi lebih berdaya saing dan mengukuhkan proses demokrasi di Malaysia. Daripada apa yang diteliti sepanjang kempen PRU-15 bahkan beberapa sebelumnya, media sosial telah menjadi saluran penting dan utama bagi semua parti politik untuk berkomunikasi dengan ahli dan pengikut. Sepanjang tempoh kempen selama lebih dua minggu, kedua-dua parti utama iaitu BN dan PH menggunakan pelbagai saluran bukan sahaja untuk menyampaikan informasi dan maklumat terkini, tetapi juga turut digunakan untuk berinteraksi dengan rakyat melaluinya seperti Twitter. Kesemua medium ini dimanfaatkan oleh pengundi muda dan mewujudkan kebangkitan orang muda bagi saluran orang muda terutamanya di kawasan Pantai Barat Semenanjung Malaysia iaitu di Kuala Lumpur, Selangor, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

4.2 *Partisipasi dan Persepsi Politik*

4.2.1 *Menghadiri kempen parti politik*

Hasil pengumpulan maklumat dan data responden yang terlibat mendapati bahawa sebanyak 77.8% responden yang terlibat dalam kempen politik di mana-mana peringkat manakala selebihnya tidak menghadiri mana-mana kempen parti politik (Lihat Rajah 4). Penglibatan responden ini menunjukkan catatan peratusan yang tinggi dan membuktikan bahawa responden yang terlibat dalam kempen politik berkenaan adalah berkaitan dengan rasa minat mereka dan tanggungjawab sebagai pengundi. Oleh hal yang demikian, jumlah penglibatan responden dalam kempen politik adalah lebih tinggi berbanding mereka yang tidak menyertai kempen politik. Hal ini juga disebabkan oleh kesemua responden yang didekati pengkaji adalah mereka yang berstatus layak mengundi dan merupakan pengundi yang telah berdaftar di kawasan kajian ini. Seterusnya, beberapa responden yang terlibat dalam soal selidik ini juga merupakan kakitangan awam yang terdapat di kawasan kajian. Walaupun mereka hanya bertugas sebagai kakitangan biasa, penglibatan dan tanggungjawab mereka berkaitan dengan senario politik di kawasan ini sangat membantu pengkaji dalam mengumpulkan data kajian. Selain itu, direkodkan bahawa sebanyak 22.2% responden yang tidak menyertai kempen parti politik di mana-mana peringkat adalah terdiri daripada kumpulan belia yang belum layak mengundi pada pilihan raya kali ini.

4.2.2 *Faktor yang mempengaruhi keputusan untuk mengundi*

Berdasarkan soal selidik yang dijalankan untuk mendapatkan data berkaitan faktor yang mempengaruhi keputusan pengundi di kawasan kajian. Antara faktor yang diberikan oleh responden adalah faktor ibu bapa yang mempengaruhi keputusan pengundi yang menjadi punca utama pengundi memilih sesuatu parti. Seterusnya, kewajipan dan hak memilih di tangan rakyat dinyatakan oleh sebanyak 18.8% responden melalui soal selidik yang dijalankan. Selain itu, kebolehpercayaan ahli parti, komitmen dan tanggungjawab ketua pemimpin parti dengan 15 peratus diikuti oleh kewibawaan bakal pemimpin kerajaan dan *public relation* beliau (14%).

Jadual 1: Partisipasi dan persepsi politik faktor yang mempengaruhi pengundi

Bil	Faktor keputusan pengundi	Peratus
1	Kebolehpercayaan ahli parti, komitmen dan tanggungjawab ketua pemimpin parti	15.0
2	Pemimpin yang berkaliber daripada pandangan orang ramai	13.0
3	Umur	2.2
4	Kewibawaan bakal pemimpin kerajaan dan public relation beliau	14.0
5	Kewajipan dan hak memilih di tangan rakyat	18.8
6	Tiada	17.0
7	Ibu bapa	20.0

Sumber: Kajian lapangan 2024

4.3 Pilihan Politik Pengundi

4.3.1 Isu-isu khas yang mempengaruhi sokongan parti pengundi

Sokongan parti pengundi boleh dipengaruhi oleh pelbagai isu khas yang menjadi tumpuan secara mendalam sama ada dari konteks individu atau kumpulan tertentu dalam pengundi. Antaraisu-isu khas yang didapati mempengaruhi pengundi berdasarkan soal selidik adalah kebimbangan ekonomi yang boleh menyebabkan masalah pengangguran dan keselamatan pekerjaan, masalah percukaian dan inflasi. Seterusnya, isu khas dari segi penjagaan kesihatan seperti akses kepada penjagaan kesihatan dan kos penjagaan kesihatan serta ubat-ubatan. Tambahan juga, kualiti pendidikan turut menjadi kebimbangan pengundi mengenai kebolehcapaian pendidikan awam diikuti oleh isu hutang pinjaman pelajar. Isu alam sekitar turut mempengaruhi sokongan parti pengundi dari aspek perubahan iklim. Pengundi semakin mengutamakan pihak yang mengakui dan mencadangkan penyelesaian kepada perubahan iklim.

5. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini dapat mengenal pasti sumber maklumat politik dengan lebih jelas, mengkaji partisipasi dan persepsi politik dan menganalisis pilihan politik pengundi di DUN Apam Putra, Rantau Panjang, Kelantan. Kebanyakan mereka didapati turut melibatkan dirisebagai kakitangan di pejabat-pejabat politik yang terlibat dengan aktif dalam aktiviti-aktiviti politik di kawasan kajian. Hal ini sudah jelas membuktikan bahawa rata-rata penduduk di kawasan ini merupakan mereka yang terlibat dalam aktiviti politik baik secara terus atau tidak. Selain itu, kajian ini juga dapat menjelaskan berkaitan dengan kepelbagaian partisipasi dan persepsi dalam kalangan responden dan informan yang terlibat terhadap isu politik pilihan raya yang berlaku di kawasan kajian ini serta kecenderungan mereka terhadap parti politik yang ada.

Kajian ini turut membuktikan bahawa semangat kemasyarakatan yang baik dalam kalangan responden di kawasan kajian ini dan semangat tersebut sememangnya wajar dikekalkan. Oleh itu, semua pihak mestilah mempunyai sikap mampu menerima pandangan dan pendirian orang lain serta menanam rasa hormat antara satu sama lain. Hal ini bukan sahaja mampu mendatangkan kesan positif terhadap hubungan di antara masyarakat dengan penduduk, malahan turut memberi manfaat kepada sistem pemerintahan dan pentadbiran di peringkat negerimahupun

negara.

Rujukan

- Edmund Terence Gomez. (1996). *The 1995 Malaysian General Elections : A Report and Commentary*. Occasional Paper No. 93. Singapore. Institute of Southeast Asian Studies.
- Gomez, J. (2018). Negative Campaigning Over Social Media: Polarisation and Political Violence During Malaysia's General Elections. In *Media and Elections Democratic Transition in Malaysia*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Gomez. E. T. (1996). *The Malaysian General Elections: A Report And Commentary*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Herwan Sulisty. (2016). Electoral Politics in Indonesia: A Hard Way to Democracy. *Electoral Politics in Southeast and East Asia* 75-99.
- Julio Teehanke. (2002). Electoral Politics in The Philippines. *Electoral Politic in Southeast and East Asia* 149-202.
- Junaidi Awang Besar. (2018). Pola Pengundian Etnik Melayu dalam Pilihan Raya Kecil DUN Pangkalan Kubor, Kelantan. *Merentasi Sempadan yang Melewati Zaman: Kumpulan Esei Sempena Persaraan Profesor Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman*. 271-300. Kuala Lumpur.
- Junaidi Awang Besar. (2017). Trend pengundian dalam Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-13. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities* 12 (2): 126-149.
- Junaidi Awang Besar. (2018c). Analisis Kosmo! Menjelang Pilihan Raya Umum ke-14. Waspada berita palsu dalam kempen PRU-14'. *Kosmo!* Halaman 11. Rabu.
- Junaidi Awang Besar. (2016). Perkaitan Sumber Maklumat dengan Sokongan kepada Parti Politik. *Jurnal Komunikasi Malaysia Journal of Communication* 32(1): 23-49.
- Mohd Sayuti Omar. (2015). *Selepas PRU 14: Kelantan Milik Siapa?*. Kuala Lumpur: Penerbit Tinta Merah.
- Orathai Kokpol. (2002). Electoral Politics in Thailand. *Electoral Politic in Southeast and East Asia* 277-297.
- Toshio Takeshita & Shunji Mikami. (1995). How did Mass Media Influence The Voters' Choice in The 1993 General Election in Japan? A Study of Agenda Setting, Keio. *Communication Review* 17 (1995) 27-41.
- Yeo Lay Hwee. (2002). *Electoral Politics in Singapore*. Electoral Politixs in Southeast and East Asia.
- Zaherawati Zakaria. (2009). Media: Ketelusan dalam pilihan raya Malaysia ke-12. Dlm Worrn Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib & Abdul Kadir Rosline. Vol.17, No.5 (2020), 62-80. *Prosiding seminar politik Malaysia: Landskap politik Malaysia pasca pilihan raya ke-12*. Sabah: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.